

**TEKAT MENEKAT DIPERAK**

**OLEH:**

**ZALELA IDRIS**

**TEKSTAIL EMPAT**

**KAJIAN SENILUKIS & REKABENTUK**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**1977/1978**

# KANDONGAN

RAJAH

PENGHARGAAN

RUJUKAN

|   |      |
|---|------|
| 1. PENDAHULUAN .....  | mk 1 |
| 2. ASAL USUB MENEKAT BENANG EMAS .....                                | mk 4 |
| 3. JENIS-JENIS TEKATAN BENANG EMAS .....                              | mk 9 |
| 4. PERBEZAAN BENANG EMAS .....  | mk11 |
| 5. PENGGUNAAN TEKATAN .....   | mk15 |
| 6. PERBANDINGAN ANTARA TEKATAN TRADITIONAL DAN<br>TEKATAN MODEN ..... | mk24 |
| 7. CORAK-CORAK YANG DIGUNAKAN .....                                   | mk35 |
| 8. ALAT-ALAT YANG DIGUNAKAN .....                                     | mk38 |
| a. Pemidang .....   | mk39 |
| b. Acu .....  | mk41 |
| c. Cara membuat mampulur .....  | mk42 |
| d. Tali Menali .....  | mk44 |
| e. Leuli atau Coban .....   | mk45 |
| 9. CARA MENEKAT .....   | mk49 |
| 10. MASALAH YANG DIHADAPI DALAM PERTUKANGAN INI ...                   | mk59 |
| 11. PENUTUP .....   | mk62 |

## **PENGHARGAAN:**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Paiman Keromo, Pegawai Kaji Purba di Mezium Perak, Taiping kerana memberi kebenaran untuk menangkap gambar tekatan benang emas dan menggunakan perpustakaan.

Terima kasih juga kepada Encik Raj kerana menolong saya untuk membuat kajian saya di perpustakaan di Mezium Negara.

Berbanyak-banyak terima kasih juga kepada Puan Aishah Hj. Yunus di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Puan Robakayah Hj. Mohd. Basir dan Cik Norzawizan di Kubang Karap, Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Puan Khatijah di Taiping kerana telah memberi penerangan dan penjelasan tentang cara menekat.

## **PENDAHULUAN :**

Kalau tuan-tuan dan puan-puan pernah menghadiri majlis-majlis perkahwinan di negeri Perak, tuan-tuan tentu dapat melihat betapa hampir semua peralatan yang disediakan sarong-sarong bantal, kipas, alas dulang serta lain-lain kelengkapan perkahwinan dibuat dari k baidu yang bertekatan benang emas.

Tekatan atau juga dikenali dengan nama 'Suji Timba' adalah sejenis pertukangan Melayu yang sangat lama di Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun di lain-lain negeri di Tanah Melayu pertukangan ini mungkin sudah lenyap atau hampir-hampir lenyap, tetapi di Perak tekatan masih lagi didapati dengan luasnya.

Ianya boleh didapati di sekitar bandar Batu Gajah, Parit, Taiping, Telok Anson, dan Kuala Kangsar.

## **Asal usul**

### **menekatkan benang emas**

Tekatkan menekatkan ini adalah satu jenis sulaman yang amat terkenal di masa dahulu. Ianya adalah satu pekerjaan tangan yang amat bernilai di Tanah Air. Tiada sesiapa yang masih tahu dari manakah asalnya.

Tekatkan ini adalah mungkin telah diperkenalkan daripada India walaupun ada juga yang terdapat pengaruh-pengaruh Cina, terutamanya tekatkan-tekatkan Melayu yang dihasilkan daripada negeri-negeri selat seperti Melaka dan Pulau Pinang. Ini adalah oleh kerana pada masa dahulu Raja-Raja Melayu menghantar 'Bunga Emas' kepada Raja Siam dan Cina kerana Tanah Melayu diporintah di bawah negeri Cina. Oleh itu tiap-tiap tahun mereka menerima 'Bunga Emas' dari Tanah Air kita. Mungkin bersama dengan hantaran